

29 AUG 1999

PERSATUAN HARAP KENAIKAN TARAF ITM TIDAK MEMBEBANKAN PELAJAR

KOTA KINABALU, 29 Ogos (Bernama) -- Persatuan Pengguna Sabah dan Labuan (Cash & LFT) hari ini menyambut baik langkah kerajaan menaikkan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) sebagai universiti tetapi berharap ia tidak membebankan bakal pelajarnya dengan yuran yang terlalu tinggi.

Presidennya Patrick Sindu juga berharap Universiti Teknologi Mara akan memberi peluang lebih banyak pelajar tempatan melanjutkan pelajaran kerana ia merupakan satu-satunya universiti untuk Bumiputera di negara ini.

"Umumnya, kemasukan di universiti memerlukan pembiayaan yang tinggi dan oleh itu adalah diharapkan ini tidak menjejaskan peluang pelajar dari Sabah kerana bebanan kos sara hidup yang tinggi di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan.

Walaupun kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelajar, tidak semua berpeluang mendapat kemudahan itu ekoran persaingan sengit dengan pelajar di seluruh negara.

Beliau juga berharap kenaikan taraf itu, yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lepas, akan mendorong pelajar tempatan untuk bersaing merebut tempat di universiti itu.

-- BERNAMA

JS RON